

# Keajaiban Malaysia

u. m'sia m/s 11

Oleh SABRI MOHAMAD SHARIF

11.10.07

**'Keajaiban Malaysia' sepanjang tempoh 50 tahun semenjak kemerdekaannya, telah dikupas dalam pelbagai sudut dan menjadi perbincangan di negara luar, yang menggambarkan suatu pengiktirafan sama ada secara halus mahupun terang-terangan**



**PRESIDEN** Turki Abdullah Gul (bawah) diberi tepukan oleh Perdana Menteri Tayyip Erdogan (tiga dari kiri) dan menteri kabinet lain di Parlimen negara itu 1 Oktober. Kerajaan Turki dikatakan ingin mencontohi pendekatan 'keajaiban Malaysia'.

kebangkitan golongan Islam Moderat di Turki, ia akan menghakis dan menghapuskan sistem sekular di negara republik Turki, hasil daripada peninggalan pengasasnya Mustafa Kemal Artaturk.

Bagaimanapun kelompok ini, yang dikaitkan dengan Parti Rakyat Republik (CHP), yang ketua oleh Deniz Baykal tidak berjaya memenangi undi majoriti daripada rakyat Turki dalam pilihan raya umum pada 22 Julai lalu.

Kenyataan akhbar *Hurriyyet* disangkal oleh akhbar *Todays Zaman*, yang mempunyai kecenderungan kepada aliran pemikiran Islam Moderat, yang mirip kepada parti yang sedang memerintah Turki sekarang. Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP), yang diketuai oleh Perdana Menternya Reccip Tayyip Erdogan dan Presiden Turki yang baru iaitu Abdullah Gul, merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar dari AKP, selepas memenangi pilihan raya Presiden baru-baru ini.

Melalui penulis kolumnisnya Bulent Kenes, beliau membahaskan tidak ada salahnya meniru cara Malaysia, yang telah menempa banyak kejayaan serantau dan di persada antarabangsa. Beliau secara peribadi memuji Malaysia dan menganggap mereka yang mengatakan sebaliknya, tidak memahami tentang Malaysia secara mendalam.

Beliau mengukuhkan perbincangannya dengan menunjukkan bukti bahawa, bukan beliau seorang sahaja yang berkata sedemikian, tetapi turut dikongsi oleh Profesor Joseph E. Stiglitz dari Amerika Syarikat melalui artikelnya *The Malaysian Miracle*.

Beliau menegaskan, 'keajaiban Malaysia' seharusnya menjadi teladan kepada Turki, yang mempunyai 99 peratus penduduk Islam, dengan jumlah hampir 75 juta orang.

Sesungguhnya di sini, kita dapat saksi-

**BENARKAH** sepanjang tempoh 50 tahun merdeka, negara ini berada dalam keajaiban?

Persoalan ini, barangkali mendapat pelbagai reaksi berbeza di kalangan rakyat Malaysia. Namun, apa yang pasti, tulisan dan komentar jujur yang dilontarkan oleh Joseph E. Stiglitz, seorang pemenang Hadiah Nobel dalam ekonomi, profesor dari Universiti Columbia dan pernah menjadi penasihat kepada bekas Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, cukup menarik minat kita untuk mengupasnya.

Beliau menggelar, sepanjang tempoh 50 tahun Malaysia berada dalam pemerintahan sendiri, selepas lebih 400 tahun dijajah sebagai 'Keajaiban Malaysia'. Beliau menambah bahawa keamanan Malaysia, melalui perjuangan yang bukan secara kekerasan barangkali tidak mendapat perhatian meluas seperti yang pernah dilakukan oleh Mahatma Ghandi di India, tetapi Malaysia telah menyempurnakan tugasnya dengan menakjubkan, yang sudah cukup banyak boleh mengajar dunia tentang ekonomi dan penyusunan semula masyarakat berbilang kaum, etnik, agama, bangsa dan budaya.

Mengapa beliau begitu ikhlas dan berani mengatakan sedemikian? Apakah rasionalnya?

## Membuktikan

Pendapat beliau berdasarkan kepada angka-angka dan petunjuk-petunjuk yang banyak membuktikan kebenaran tersebut. Sewaktu merdeka, Malaysia dianggap sebagai salah sebuah negara yang paling miskin di dunia.

Pada ketika itu, negara ini bersamaan dengan negara Haiti, Honduras, Mesir dan di bawah Ghana. Sekarang, pendapatan dan ekonomi Malaysia 7.8 kali ganda lebih besar dari Ghana, lebih lima kali ganda berbanding Honduras, lebih 2.5 kali besar daripada Mesir.

Dalam pertumbuhan ekonomi global, kedudukan Malaysia sekarang sebaris dengan China, Taiwan, Korea Selatan dan Thailand. Semenjak 50 kemerdekaannya, Malaysia telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 7.24 juta, di mana peningkatan sehingga 261 peratus, yang menyamai kewujudan 105 juta pekerjaan di Amerika Syarikat.

Stiglitz menambah kejayaan Malaysia dalam memenangi hati rakyat dan penduduknya banyak menggunakan kaedah perubahan 'hati dan pemikiran' dalam membangun ekonomi dan mengelakkan sebarang anasir yang boleh merosak dan meruntuhkan negara.

Ini terbukti dengan kemenangannya dalam memerangi dan menumpaskan kemaraan pengganas komunis daripada mere-

bak ke seluruh negara. Kaedah tersebut juga berupaya mengekang daripada berlakunya lebih banyak kematian rakyat yang tidak berdosa. Pengalaman Malaysia wajar dijadikan pengajaran penting kepada pentadbiran Bush dalam menangani dan menyelesaikan masalah di Iraq.

Semenjak penjajah keluar dari bumi Malaysia, yang ketika itu berada dalam situasi pecah dan perintah, ketidakseimbangan ekonomi di antara masyarakat berbilang kaum, daerah, budaya dan agama, sangat ketara dan tegang.

Malaysia telah berjaya menstruktur dan merekayasa semula rakyatnya dengan cemerlang, dengan cara tidak menjatuh dan merampas hasil daripada yang kaya, tetapi menaikkan golongan miskin. Tambahan pula negara ini telah meletakkan sasaran sifar kepada golongan miskin tegar menjelang tahun 2010, melalui purata penurunan sebanyak 2.8 peratus.

Baru-baru ini, kejayaan Malaysia menjadi perbualan hangat di Turki, yang terbahagi kepada dua aliran pemikiran iaitu

kelompok sekular dan golongan Islam moderat. Melalui akhbar *Hurriyet* dan rangkaian televisyen Kumpulan Media Dogan, yang mempunyai kecenderungan kepada golongan sekular elit merangkumi pemerintah tentera, badan kehakiman dan Lembaga Pengajian Tinggi Turki (YOK) yang diketuai oleh Erdogan Tezic, di mana mereka telah melancarkan serangan psikologi terhadap kerajaan yang memerintah sekarang.

Kedua-dua media membuat tuduhan bahawa kerajaan negara itu sekarang, sedang menggubal perlembagaan 1982, iaitu hasil tinggalan junta melalui rampasan kuasa tentera, untuk menjurus kepada Malaysia, yang dianggap sebagai negara Islam dan bukan negara sekular.

Mereka mendakwa Turki akan 'di Malaysialisasikan' (*Malaysialization*) dalam tempoh 10 tahun, yang mengamalkan corak, penerapan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam dalam kebanyakan sistem pentadbirannya.

Golongan sekular ini bimbang, dengan

kesanggupannya di sini, kita dapat saksikan 'keajaiban Malaysia' sepanjang tempoh 50 tahun semenjak kemerdekaannya, telah dikupas dalam pelbagai sudut dan menjadi perbualan di negara luar, yang menggambarkan suatu pengiktirafan sama ada secara halus mahupun terang-terangan.

Sekarang kita ingin berjuang untuk membina 'keajaiban Malaysia' untuk tempoh 50 tahun akan datang sehingga tahun 2057. Apakah azam dan tekad kita? Sudah bersediakah kita untuk memulakan perancangan rapi dan konsisten tersebut?

Bagaimanakah strategi dan gerak kerja kita? Persoalannya di sini, bukan lagi soal mampu, tetapi mahukah kita berjuang melakukannya?

**SABRI MOHAMAD SHARIF** ialah Ketua Jabatan Perhubungan Industri, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka (Utem) dan pensyarah tamu Universiti Malaya.